

Tan Sri *Punch Card* Untuk Kali Terakhir

Selepas lebih 10 tahun bertungkus-lumus membina Universiti Malaysia Sabah (UMS), Naib Canselor pertamanya, Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman mengucapkan selamat tinggal kepada semua warga universiti pada 17 Mac 2005, hari bekerjanya yang terakhir.

Lebih kurang 300 orang pegawai utama, pegawai kanan dan staf berkumpul di lobi Bangunan Canselori untuk mengucapkan selamat bersara kepada beliau yang telah menerajui UMS lebih daripada 10 tahun.

Selepas itu, beliau dan isteri, Puan Sri Datin Seri Hajah Jamilah Sudin, dibawa ke halaman Dewan Canselori untuk menyampaikan ucapan terakhirnya kepada keseluruhan warga UMS.

Beliau kemudiannya diarak dengan sebuah jip tentera yang ditarik oleh lebih kurang 50 orang pengawal keselamatan UMS dengan didahului sebuah *brass band* dari Markas Lima Briged di Lokkawi.

Saat-saat perpisahan itu merupakan saat yang pilu kepada beberapa staf, terutamanya staf perintis yang telah bersama beliau sejak bermulanya UMS pada tahun 1994.

Sebelum itu, Tan Sri berkata kepada pemberita bahawa beliau sangat berpuas hati dengan segala hasil kerja keras beliau dalam membina UMS.



PUNCH CARD... Tan Sri Prof. Dr. Abu Hassan (kiri) mencetak punch card buat kali terakhir yang disaksikan pegawai-pegawai utama beliau.

Katanya, kejayaan ini tidak akan dapat dikecapi tanpa sokongan padu semua staf beliau daripada Timbalan-Timbalan Naib Canselornya sehinggalah pembantu-pembantu makmal dan pengawal-pengawal keselamatan yang semuanya bertungkus-lumus menjadikan UMS institusi yang disegani.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan atas segala bantuan dan sokongan yang diberikan kepada UMS selama ini.